

30/10/2003

Proton, AIDCO perintis kerjasama negara Islam

PUTRAJAYA: Program perkongsian teknologi antara Proton dengan Syarikat Pembangunan Industri Automotif Iran (AIDCO) dalam pengeluaran kereta baru

merintis jalan kerjasama lebih luas membabitkan negara Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata persetujuan antara Proton dan AIDCO yang dicapai selepas penelitian selama beberapa tahun, diharap menggalakkan lebih banyak syarikat dari negara Islam menerokai bidang kejuruteraan dan teknologi tinggi.

"Ia juga menunjukkan keupayaan kita sekali gus membetulkan perspektif salah bahawa negara Islam terkebelakang dan perlu bergantung kepada Barat

semata-mata.

"Ia juga membolehkan negara Islam mendapatkan dan membangunkan teknologi

baru. Ini sangat baik untuk Malaysia dan untuk negara Islam," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Proton dengan

AIDCO di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, petang semalam.

Pada majlis itu Proton diwakili Ketua Eksekutifnya, Tengku Tan Sri Dr Mahaleel Tengku Ariff manakala AIDCO oleh Ketua Eksekutifnya, B Alimoradlou.

Menerusi perjanjian teknologi, Proton akan menyalurkan rekaan dan platform kenderaan yang dihasilkannya termasuk enjin Campro selain membantu dalam pembangunan dan penyelidikan (R&D) dan kemudahan pengeluaran kepada AIDCO sehingga 2020.

AIDCO yang juga bertanggungjawab bagi dua pengeluar kereta terbesar di Iran iaitu Khodro dan SAIPA Khodro serta menguasai 90 peratus pasaran kenderaan kereta negara itu.

Langkah pengeluar kereta nasional berkenaan juga membolehkannya meluaskan pasaran, mengurangkan kos pengeluaran menerusi pembangunan bersama produk baru dan enjin secara bersama serta mengurangkan penggantungan kepada pasaran tempatan.

Mengulas lanjut Perdana Menteri berkata, kerjasama itu seperti yang dilalui Malaysia dengan Mitsubishi ketika permulaan projek kereta nasional.

"Ia mengambil kita masa 15 tahun untuk sampai peringkat ini. Masa itu tidak lama jika dilihat dalam sektor pengeluaran kereta. Tetapi kita sudah

sampai ke peringkat untuk berkongsi teknologi," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir menyatakan keyakinan Proton dapat mengharungi

kesan pembukaan pasaran menerusi Kawasan Perdagangan Bebas Asia Tenggara (AFTA).

"Kerjasama seperti ini membolehkan kita mencapai saiz ekonomi yang diperlukan kerana ketika ini kita masih kecil berbanding gergasi dunia yang mengeluarkan sehingga 10 juta kenderaan setahun," katanya.

Perangkaan pengeluaran kereta terkini menunjukkan Proton semakin kehilangan pasaran tempatan kepada kereta jenama asing berikutan harga

tawaran yang kompetitif.

Sementara itu, Perdana Menteri mendedahkan selain kerjasama teknologi dengan Iran, perbincangan berhubung dinar emas berjalan lebih pantas dengan negara itu.

"Kita harap negara lain yang melihat kejayaan ini (berhubung dinar emas)

akan menarik lebih banyak negara turut serta," katanya.

Perdana Menteri juga berharap kerjasama bidang teknologi diperluaskan kepada pengeluaran komponen pesawat berikutan Iran juga mempunyai program

pengeluaran kapal terbang dengan Ukraine.

Sementara itu Tengku Mahaleel berkata, kerjasama itu membolehkan Proton memasuki pasaran Iran bukan saja menerusi model Proton sendiri, tetapi pengeluaran kereta menggunakan platform dan enjin Campro.

Katanya, Proton menjangkakan kereta baru yang dihasilkan menerusi perkongsian teknologi dengan AIDCO dikeluarkan dalam tempoh setahun.